

# KEDUDUKAN WANITA DALAM TRANSISI TANAMAN PADI SELEPAS REVOLUSI HIJAU: PERSPEKTIF LALU DAN MASA DEPAN

Raiha Bte Ahmad\*

## Abstract

The Green Revolution led to a transition in paddy cultivation from traditional paddy cultivation techniques to the use of machines together with the application of high quality seeds. The research was conducted in 2006 and carried out in two villages in the Northern States of Peninsular Malaysia. This paper attempts to review the implementation of the Green Revolution that began around 1970s and discusses its impact on the socio-economy of women. Socio-economic impact on women is measured through the pattern of distribution of labour, ownership and management of land, employment and income of the women farmers from 1975 to 2006. The method of in-depth interviews and observation were used to gather information from 14 women who had worked in the paddy fields and who were also land owners. This study shows how these women farmers began moving out of agricultural work when their labour began to be replaced by mechanisation. This led to a shift in the women's choices of employment and without realising it, their identities as managers of farms and land owners gradually eroded. Was this transition towards work outside the farms driven by individual impetus or the outcome of the impact of mechanisation brought about by the Green Revolution? This article attempts to address this question and demonstrates the marginalisation of women from agricultural activities that took place due to the Green Revolution.

**Keywords:** Green Revolution, women farmers, paddy cultivation, mechanization

## Pengenalan

Revolusi Hijau merupakan asas transisi tanaman padi yang diperkenalkan melalui pakej penggunaan jentera, jenis padi pengeluaran tinggi (HYV) bersama input biokimia (baja dan racun rumput) yang disokong oleh kemudahan infrastruktur. Brown (1970) mendefinisikan Revolusi Hijau sebagai satu 'platform' yang merujuk kepada konsep 'miracle seed' iaitu pakej penyerapan sains dan teknologi dalam teknik tanaman bijirin. Revolusi Hijau dilaksanakan pada tahun 1943 dengan kerjasama Rockfeller Foundation bersama pusat pertanian Camacho di Mexico (Wright, 2004). Bermula di Mexico, usaha kerjasama diperluaskan antara Rockfeller bersama IRRI di Filipina pada tahun 1959 dan menjadikan India sebagai pusat aplikasi Revolusi Hijau yang pertama di

---

\* Raiha Ahmad adalah calon Phd di Rancangan Pengajian Gender, Universiti Malaya

negara Asia. Selepas pelaksanaan di India, revolusi ini telah mendapat perhatian dari kebanyakan negara seperti Indonesia, Pakistan, Sri Lanka, Amerika, Asia dan Afrika (Vandana,1999). Bermula tahun 1970an, revolusi ini telah mengubah teknik tanaman dan corak sosio ekonomi beribu-ribu petani di India dan petani dari negara Dunia Ketiga (Spitz,1987; Vandana,1999; Rao,2006). Pengalaman di Malaysia agak berbeza kerana aplikasi teknologi di bahagian Utara Semenanjung Malaysia pada sekitar tahun 1970an terlalu baru dan kebanyakan petani masih menggunakan cara manual dalam teknik tanaman padi (De Koninck,1975). Revolusi ini menerima pengkhususan di beberapa kawasan pengairan dan jelapang padi di utara semenanjung Malaysia. Malah, perkembangan ini telah membawa peningkatan sosio ekonomi petani sebagai salah satu manifestasi yang terkandung dalam perjanjian Revolusi Hijau (Jegatheesan,1977). Selain daripada itu suatu ledakan dalam inovasi dan perkembangan antara tenaga buruh dan jentera berlaku akibat Revolusi Hijau (sila lihat Jadual 1.0)

Jadual 1.0 Ledakan Inovasi Dan Perkembangan Antara Tenaga Buruh dan Jentera

Tempoh	Inovasi-Tindak balas-Inovasi
1960 - 1975	Tanaman dua kali setahun
1980-1985	Kemunculan mesin tuai
1982-1985	Kemunculan tabur terus
1980	Mesin tuai menggantikan sistem angkut padi secara manual kepada teknologi  Mesin tuai - mempengaruhi pengangkutan basikal dan motosikal  Mesin tuai-mendorong peningkatan pengangkutan lori dan kenderaan pacuan empat roda
1987	Mesin tuai - meningkatkan penggunaan <i>bulk handling</i> yang tidak lagi menggunakan beg

Sumber : De Koninck (1992:118)

## Impak Revolusi Hijau Ke Atas Wanita

Revolusi Hijau dianggap sebagai membawa perubahan dalam struktur sosio ekonomi sesebuah komuniti daripada segi pemilikan dan perusahaan tanah, agihan pekerjaan, jurang pendapatan antara petani kecil dan besar serta punca pencemaran persekitaran (Griffin,1974; Pearse,1980; Vandana,1999; Spitz,1987). Perubahan ini turut mempengaruhi perubahan pola guna tenaga dalam konteks hubungan gender dan pengeluaran padi di Semenanjung Malaysia (Cecilia Ng,1998; Vandana,1999). Sebelum pelaksanaan jentera dan teknologi, kedudukan wanita dianggap penting dan mempunyai peranan yang besar di samping lelaki dalam kerja tanaman dan menuai (Cecilia Ng,1999). Mekanisasi dan komersialisasi dalam pertanian telah meminggirkan wanita dalam aspek bayaran

dan bekalan makanan yang juga telah memindahkan golongan wanita dari kerja bendang berbanding lelaki (Ankomah, 2007; Borlaug, 2007).

Jika dilihat melalui aspek sejarah, kepentingan wanita dalam tanaman padi sememangnya jelas berlaku pada sekitar tahun 1920an. Bendang merupakan harta pencarian utama bagi golongan wanita Melayu di utara semenanjung Malaysia iaitu 47 peratus petani terdiri daripada wanita, manakala 53 peratus diwakili oleh lelaki dalam seramai 88,491 petani di Kedah (Nathan,1921; Mahani,2005). Jika terdapat kerja dalam sesebuah bendang, hampir 10 hingga 15 orang petani wanita akan menjalankan aktiviti menanam dan menabur dengan kadar bayaran 40 sen bagi 100 ela. Maka, penglibatan dan peranan wanita dalam kerja tanaman dianggap penting sebelum pelaksanaan jentera dan teknologi (Sullivan,1982). Apabila pelaksanaan teknologi bermula, penglibatan wanita kian merosot dan mereka terpaksa beralih kepada kerja di luar bendang. Transformasi akibat pengenalan jentera telah membawa peralihan dan perubahan dalam organisasi pengeluaran padi serta dalam pola penggunaan tenaga kerja (Cecilia Ng,1998; Yan *et.,al*,2005).

### Latarbelakang Penyelidikan

Penyelidikan ini merupakan susulan dari kajian yang telah dijalankan oleh De Koninck ke atas komuniti Kampung Matang Pinang dan Kampung Paya Keladi pada tahun 1975 (De Koninck *et.al*;1975) dan pada tahun 1986 (De Koninck 1992). Berbanding kajian yang lepas, penyelidikan pada tahun 2006 ini membawa cambahan baru dengan meneliti kedudukan wanita dalam transisi tanaman padi kesan dari pelaksanaan Revolusi Hijau. Seramai 14 responden wanita telah dipilih bagi menilai kedudukan mereka dalam tanaman padi dan peralihan corak hidup mereka dalam komuniti petani (Lihat Jadual 2.0).

Jadual 2.0 Profil Wanita Kampung Matang Pinang Dan Kampung Paya Keladi 2006

Responden Wanita	Perubahan Dari Segi Pekerjaan dan Pemilikan Tanah 1986-2006
1 Razimah, 36 Kampung Matang Pinang	Razimah tidak mempunyai sebarang pekerjaan khusus sejak zaman remajanya selain membantu ibunya di bendang dan di rumah. Pada tahun 2003, ibunya meninggal dunia dan mewariskan tanah seluas 2 relung pada anak-anaknya. Razimah diamanahkan untuk menguruskan bendang memandangkan adik beradik yang lain tinggal berjauhan. Oleh kerana kebanyakan hal bendang di uruskan oleh suaminya dengan mengambil upah dari tenaga luar, masa Razimah agak terluang. Kini, Razimah mula berjinak-jinak dengan perniagaan pisang dan sate pada waktu-waktu tertentu bagi menambah pendapatan. Bermula tahun 2003, Razimah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bendang seluas 2 relung sebagai peninggalan arwah ibunya sejak tahun 2003.

<p>2 Aida, 24 Kampung Matang Pinang</p>	<p>Aida kurang terlibat dalam kerja bendang memandangkan beliau merupakan anak bongsu perempuan daripada 3 orang abangnya. Aida lebih menumpukan perhatian pada pembelajaran. Semasa menjangkau umur 19 tahun, Aida telah berhijrah ke Kuala Lumpur bagi melanjutkan pelajarannya ke peringkat Diploma dalam jurusan Kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia. Aida mendapat pekerjaan yang agak terjamin dengan diploma yang dimiliki. Beliau bekerja dalam sektor perkilangan sebagai penyelia dengan pendapatan RM800 – RM1,000 sebulan. Pada tahun 2003, Aida mendapat bahagian dalam hak pusaka bendang peninggalan ayahnya seluas 1 relung yang kini di uruskan oleh ibunya. Pembahagian duit padi yang diterima pada setiap musim dijadikan simpanan bagi perbelanjaan lain bagi membantu ibunya. Sebagai gadis muda, Aida kurang melibatkan diri dalam sebarang organisasi kerana masanya yang agak sibuk dengan tugas dan tanggungjawab ke atas ibunya. Pada akhir 2007, Aida telah menemui jodohnya dan masih tinggal bersama ibunya.</p>
<p>3 Zahrah, 56 Kampung Matang Nibong</p>	<p>Bersawah merupakan pekerjaan utama bagi Zahrah pada sekitar tahun 1960an hingga 1980an. Beliau begitu aktif berusaha dan berjaya memiliki tanah seluas 0.5 relung yang di beli dari arwah ayahnya dengan harga RM2,000 pada tahun 1982. Walaupun penggunaan jentera dan teknologi semakin berleluasa, Zaharah masih menguruskan bendang dengan mengambil upah tenaga luar dari kalangan jiran. Dari segi pengurusan rumahtangga, Zaharah memegang peranan sebagai ibu dan ayah kepada 6 orang anak setelah suaminya berhijrah dan membuka tanah di Rompin pada tahun 1982. Walaupun mempunyai hak ke atas tanah yang di beli, Zahrah lebih meletakkan perniagaan kerepek pisang sebagai pekerjaan utama dengan pendapatan RM90 hingga RM100 seminggu (RM15 sehari) berbanding pendapatan hasil padi RM2,000 hingga RM3,000 semusim (RM500 sebulan). Zahrah mengupah tenaga kerja lelaki dari kalangan jiran-jiran berdekatan bagi kerja bendang.</p>
<p>4. Latifah, 42 Matang Pinang</p>	<p>Latifah banyak membantu ayahnya di bendang sejak zaman remaja. Setelah kematian ayahnya, Latifah menumpukan pada kerja bendang bersama suaminya. Oleh kerana kerja bendang hanya memakan masa beberapa jam sehari, dengan kemahiran jahitan yang dipelajari, Latifah mengambil upah jahitan baju tradisional dengan kadar RM25 hingga RM30 sehelai. Kerja bendang di anggap kerja utama sebagai tanggungjawab keluarga, namun dalam masa yang sama juga Latifah menjaga tanah dusunnya di Changloon. Tahun 2003, dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bendang seluas</p>

	5 relung oleh arwah ayahnya, dan hasil pembelian tanah dusun seluas 4 relung di Changloon.
5. Asmah, 43 Kampung Matang Nibong	Sejak berkahwin pada akhir tahun 1970an, Asmah dan suami dipertanggungjawabkan untuk mengurus bendang milik ayahnya seluas 6 relung. Kini, Asmah menjadi suri rumah sepenuh masa dan meletakkan tanggungjawab menjaga bendang ke atas suaminya. Mewarisi tanah bendang dan tanah kampung seluas 3 relung dari ayahnya yang sejak dari 1970an dan 1980an di uruskan bersama suaminya. Kini, Asmah lebih meletakkan pengurusan kepada suaminya.
6. Maksu, 56 Kampung Matang Nibong	Maksu merupakan anak peneroka yang mewarisi pekerjaan ayahnya sejak tahun 1980an. Maksu giat dalam kerja bendang bersama suaminya setelah mendapat hak ke atas tanah seluas 7 relung dari arwah ayahnya dengan pembahagian 1 relung tanah kampung dan selebihnya bendang. Namun pada awal 1990an, Maksu berundur dari kerja bendang dan lebih menumpukan terhadap pengurusan rumahtangga.
7. Mak Kiah, 58 Kampung Matang Pinang	Mak Kiah dilahirkan dalam keluarga pesawah. Sejak tahun 1970an dan 1980an beliau sering membantu ayahnya menambak tanah bendang kepada tanah kampung bagi penempatan rumah. Namun, pada sekitar awal tahun 2000, Mak Kiah mula menjual rebung sebagai sumber pendapatan harian dan mingguan. Kerja sawah tidak lagi di jalankan secara aktif dan di pertanggungjawabkan ke atas suaminya. Mewarisi tanah bendang dari arwah ayahnya sejak 10 tahun yang lalu (1996). Kini, pengurusan di jalankan sepenuhnya oleh suami.
8. Mak Long Na, 67 Kampung Paya Keladi	Mak Long Na merupakan anak jati KPK dan mewarisi seluas 6 relung tanah bendang dari arwah ibunya. Mak Long Na aktif bekerja di bendang sekitar tahun 1950an hingga 1980an bersama suaminya dan berhenti pada awal tahun 1990an. Pada awal 1990an, kebanyakan kerja dikerjakan oleh arwah suaminya dan jiran. Setelah meninggalkan kerja bendang, Mak Long Na tidak menjalankan kerja khusus selain menjaga ternakan seperti ayam, angsa, itik termasuklah ikan keli sebagai jualan sampingan. Kini Mak Long Na berehat dan menjadi suri rumah sepenuh masa di samping anak-anak dan cucunya yang tinggal berdekatan di persekitaran rumah. Mak Long Na juga aktif berpersatuan dan berpolitik semenjak dari zaman kemerdekaan lagi.
9. Mak Lijah, 64 Simpang Empat	Mak Lijah mempunyai pengalaman hampir 19 tahun mengerjakan serelung bendang yang disewa di Kampung Tok Hamid dengan upah RM25 semusim. Pada akhir 1980an, Mak Lijah mula mengundurkan diri dari kerja bendang apabila kebanyakan kerja menggunakan mesin. Setelah

	mendirikan rumahtangga pada tahun 1983, Mak Lijah berhenti kerja bendang dan menetap di Kampung Paya Keladi. Kini beliau menjadi suri rumah sepenuh masa sambil menjaga ibu mertua dan cucu-cucunya di rumah.
10. Cik Yam, 59 Kampung Paya Keladi	Sejak daripada tahun 1970an, Cik Yam merupakan wanita aktif dalam kerja bendang dan kini berjinak-jinak dalam lapangan politik. Mempunyai tanah bendang seluas 2 relung dari arwah suaminya. Mempunyai sebuah kedai makan di Kampung Paya Keladi Masjid yang diuruskan oleh anak perempuannya sejak setahun yang lalu.
11. Che Maniah, 63 Gunung Jerai, Kedah di Paya Keladi	Cik Manih merupakan seorang ibu tunggal yang mempunyai 8 orang anak dan aktif berderau pada sekitar tahun 1970an hingga pada akhir 1980an. Menyewa serelung tanah bendang dari ibunya pada tahun 1986. Semasa tahun 1981, Che Manih masih aktif berderau walaupun kedatangan jentera telah meminggirkan golongan wanita dalam aktiviti tersebut (De Koninck, 1986:110). Kini, Che Manih mewarisi 2 relung (Kedah) bendang di Merbuk yang disewakan kepada pakciknya dengan kadar RM400 serelung. Beliau juga mewarisi tanah dusun seluas 1.1 hektar berdekatan rumahnya yang di usahakan oleh adik saudaranya. Kini, Che Manih mengajar KAFA dengan pembayaran RM15.00 sejam sambil mengajar mengaji bagi golongan kanak-kanak dan dewasa di rumah.
12. Rohani, 28 Kampung Paya Keladi	Seorang ibu muda ini pernah membantu ayahnya di bendang semasa usia remajanya. Noraini seringkali membantu pengurusan ayahnya di bendang dengan membersihkan kawasan persekitaran setelah pulang dari sekolah. Noraini berhenti mengerjakan bendang setelah tamat persekolahan hingga Tingkatan 6 di Sekolah Kepala Batas. Rohani melanjutkan pelajaran pada peringkat Sijil Multimedia, Latihan PERDA dan kini menjawat jawatan kerani Tingkat 45 di Kompleks Tun Abdul Razak. Rohani banyak membantu ayahnya dengan membayar upah orang bendang dan menambah duit baja bagi keperluan keluarga.
13 Che Nen, 65 Kampung PayaKeladi	Che Nen merupakan ibu tunggal yang memiliki tanah bendang seluas 4 relung di Kampung Paya Keladi. Tanah tersebut dibeli dengan harga RM6,000 pada tahun 1960an. Sejak tahun 2000, Che Nen tidak mengerjakan bendang dan menyewakan tanahnya kepada kenalan di Kampung Paya Keladi dengan kadar RM450 serelung. Kini Che Nen menjadi suri rumah sepenuh masa sambil menjaga cucu di rumah.
14. Noraini, 41 Kampung Paya Keladi	Noraini merupakan antara pewaris serelung tanah bendang dari arwah ibunya. Pada tahun 2000, tanah tersebut di jual oleh keluarganya tanpa Noraini mengetahui jumlah dan pembahagian yang diperolehi. Kini, Noraini yang juga

merupakan ibu tunggal kepada 4 orang anak bekerja sebagai tukang masak di Institut Bumbung Lima. Noraini juga bekerja sambilan sebagai pencuci bagi menambah pendapatan anak-anak yang bersekolah. Noraini mendapat sumbangan RM350 setiap bulan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.
---

Sumber : Hasil kajian lapangan dan temubual mendalam 2005/2006

### Lokasi : Kampung Matang Pinang Dan Kampung Paya Keladi

Kampung Matang Pinang dan Kampung Paya Keladi merupakan dua buah kampung yang mempunyai persamaan dari ciri tradisi sebagai *kampung bendang*. Kedua-dua kampung ini mempunyai kepentingan sebagai salah sebuah pusat pengeluaran padi di bahagian Utara Semenanjung Malaysia. Kampung Matang Pinang terletak 30 kilometer dari Alor Setar, Kedah dan merupakan antara 11 buah kampung yang berada di bawah pentadbiran Mukim Jeram di lokaliti D II, MADA di Tunjang. Manakala Kampung Paya Keladi terletak di Kepala Batas Pulau Pinang dan merupakan antara 220 buah kampung yang berada di bawah 15 mukim dan merupakan sebahagian kawasan tanaman padi di Seberang Perai Utara (SPU).

Hampir 90 peratus bendang di SPU dan MADA menggunakan mesin tuai atau *combine harvester* pada tahun 1987. Tahap pertama inovasi di Kampung Matang Pinang bermula pada tahun 1960 hingga 1975 melalui pelaksanaan Revolusi Hijau (De Koninck, 1992). Aplikasi jentera bajak mula dijalankan pada tahun 1975 diikuti tahap kedua inovasi yang melanda pada sekitar tahun 1980 dan 1985 dengan kemunculan *combine harvester*<sup>1</sup> dalam teknik menuai. Bermula tahun 1980an, tanaman padi tabur terus telah meningkat dengan pesatnya. Pemerhatian kajian pada tahun 2006 mendapati bahawa kedua-dua kampung telah menerima pembangunan dari segi kemudahan dan peningkatan penggunaan teknologi dalam penanaman padi (sila lihat Jadual 3).

Jadual 3.0 Pelaksanaan Teknologi di Kampung Matang Pinang Dan Kampung Paya Keladi

No	Teknologi	Kampung Matang Pinang	Kampung Paya Keladi
1.	Traktor pembajak	1960-1973	1957-1972
2.	Tanaman dua kali setahun	1969-1975	1960-1972
3.	Baja Kimia	1960-1974	1960-1974
4.	Benih mutu tinggi	1969-1975	1960-1973
5.	Racun serangga	1964-1975	1960-1975
6.	Mesin tuai	1980-1985	1980-1985
7.	Tabur terus	1981-1986	1982-1986
8.	Jentanam	2001-2003	2001-2003

Sumber : De Koninck (1992:101) dan Kajian Lapangan 2005/2006

## Wanita Dalam Transisi Tanaman Padi

Inovasi Revolusi Hijau yang melanda pada sekitar 1960an telah membawa perubahan dalam aplikasi teknologi dalam tanaman padi. Tetapi golongan wanita pula telah beralih kepada kerja bukan bendang pada awal tahun 1980an (De Koninck, 1992). Pelaksanaan teknologi telah membawa peralihan wanita di Kampung Matang Pinang dan Kampung Paya Keladi kepada kerja luar bendang. Peminggiran ini turut memberi kesan terhadap peralihan sumber ekonomi wanita kepada sumber bukan pertanian. Bentuk pengagihan kerja, pemilikan dan pengurusan tanah, sumber ekonomi dan pendapatan serta corak sosio ekonomi 14 responden wanita dari Kampung Matang Pinang dan Kampung Paya Keladi telah mengalami perubahan positif dari tahun 1986 sehingga 2006. Penglibatan wanita dalam kerja bendang di Kampung Matang Pinang pada tahun 1986 adalah seramai 26 orang dan ia berkurangan kepada 4 orang pada tahun 2006. Jumlah 4 orang wanita yang berbendang pada 2006 hanya sebagai pemerhati selain daripada mengkategorikan diri mereka sendiri sebagai suri rumah. Manakala di Kampung Paya Keladi, bilangan wanita bekerja bendang berkurangan dari 20 orang pada tahun 1975 menurun kepada 14 orang pada tahun 1981, seramai 8 orang pada tahun 1986 dan tiada sebarang penglibatan pada tahun 2006 (Lihat Jadual 4.0).

Jadual 4.0 Penglibatan Lelaki Dan Wanita Dalam Kerja Bendang Dalam Kalangan Isirumah Di Kampung Matang Pinang Dan Kampung Paya Keladi 1975, 1981, 1986 dan 2006

	Kampung Matang Pinang				Kampung Paya Keladi			
	1975	1981	1986	2006	1975	1981	1986	2006
Lelaki	38	36	32	21	36	30	24	14
Wanita	33	30	26	4	20	14	8	0
<b>JUMLAH</b>	<b>71</b>	<b>66</b>	<b>58</b>	<b>25</b>	<b>56</b>	<b>44</b>	<b>32</b>	<b>14</b>

Sumber: De Koninck (1992:116) dan Kajian Lapangan 2005/2006

Kepentingan wanita dalam menanam padi telah merosot akibat kerja-kerja mereka diambil alih oleh jentera. Peminggiran wanita dalam pertanian jelas telah berlaku. Proses menanam yang dikenali sebagai '*female task*' telah berubah menjadi '*male task*' (Hill, 1977; 42). Kerja-kerja yang diselenggarakan oleh wanita telah di ambil alih oleh penggunaan mesin dan jentera (Sukor et.,al; 1984). Peralihan keluar wanita dari penanaman padi turut melenyapkan sistem sosial dan kerjasama yang menjadi simbol kekuatan komuniti masyarakat Melayu. Sistem kerja berderau,<sup>2</sup> bergotong royong dan kutu yang menjadi simbol penyatuan dan medan perbincangan wanita telah diganti dengan perluasan kerja upah yang kian didominasi golongan lelaki melalui penggunaan jentera (Markintosh, 1981; Wong, 1987; Scott, 2003; Reys.L., 1985). Boserup (1970) telah membahaskan bahawa pembahagian buruh dan kerja berupah serta kemunculan tanah sebagai komoditi yang merupakan ideologi penjajah telah menjadikan wanita semakin terpinggir dalam sektor pertanian. Golongan lelaki dilatih menggunakan cara pertanian moden, sementara wanita terus kekal dengan kaedah tradisional. Kenyataan ini ditegaskan oleh Couillard (1990) dan Purgl (2007) iaitu pengenalan kapitalisme banyak menjejaskan kekuatan ekonomi dan kuasa yang dinikmati oleh wanita Melayu.



## Kajian Kes : Wanita Dalam Transisi Tanaman Padi

### *Peralihan tenaga kerja – daripada wanita kepada lelaki*

Wanita luar bandar tertinggal dalam kemajuan teknologi yang meminggirkan mereka dari proses pengeluaran padi. Cecilia Ng (1998) dan Vandana (1991) menekankan bahawa wanita luar bandar tidak menikmati faedah daripada teknologi moden yang di bawa oleh Revolusi Hijau. Purcal (1971), Selvadurai (1972), Hill (1977) Kuchiba *et.,al* (1979) dan Wong (1983) menekankan tanaman padi sawah dengan mekanisasi teknologi telah mengubah pengagihan kerja antara gender. Wong (1983) menyatakan bahawa fungsi mesin tuai telah mengalihkan dua sistem kerja manual yang dikerjakan oleh wanita dan diambil alih oleh golongan lelaki di beberapa kawasan Pengairan Muda.

Sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam kehidupan Mak Long Na (no.8) yang kini menjangkau umur 67 tahun dimana beliau mengakui berlakunya perubahan dalam sistem kerja bendang antara lelaki dan wanita akibat perluasan penggunaan jentera dan teknologi sejak awal 1980an. Bendang merupakan pekerjaan utama bagi lelaki dan wanita di Kampung Paya Keladi selepas pihak tentera Jepun membuka tanah bendang di bahagian utara rumah Mak Long Na . Sejak remaja, Mak Long Na memang aktif mengerjakan bendang ibunya bersama suaminya yang telah meninggal dunia. Sebagai anak tunggal, Mak Long Na mewarisi bendang seluas 6 relung hasil pembelian arwah ibunya dari *Syarikat Kerjasama* pada sekitar tahun 1950an. Menurut Mak Long Na ibunya membeli bendang tersebut dengan harga RM1,500. Bagi Mak Long Na, situasi mula berubah apabila kerja wanita di bendang sudah diambil alih oleh teknologi. Dalam kata-kata beliau sendiri:

*“Tahun 1960an, kami sekampung pakat tughun bendang..tak kira lelaki ke puan ka (perempuan). Masuk jah (sahaja) mesin, lelaki ja (sahaja) bawak. Oghang (orang) puan (perempuan) dok dapog (dapur), tak pun cari kija (kerja) lain..mang nak suruh kami rehat kot..sunyi dah. Kami ghaip sebab dok jumpa aghi-aghi (hari), berderau, gilir-gilir buat bendang..”* (Temubual Mendalam Mak Long Na no.8 / 6.11.2007).

Cerita Mak Long Na sambil menghirup kopi panas bersama *biskut mayat* menyedari bahawa ramai wanita di Kampung Paya Keladi telah beralih kepada bidang bukan pertanian akibat penggunaan teknologi.

Begitu juga dengan Zaleha (no.12) yang menceritakan bagaimana peralihan kepada penggunaan teknologi mengambil alih kerja-kerja wanita dalam penanaman padi. Zaleha yang berasal dari Chana, Thailand kini menetap di Kampung Matang Pinang. Walaupun umurnya kini menjangkau 65 tahun, beliau masih bertenaga turun ke bendang dan menguruskannya dengan memerhati pekerja-pekerja upahan. Terdapat pengagihan kerja yang diserahkan kepada pekerja upahan yang terdiri dari golongan lelaki di kalangan anak-anak jiran. Kerja upahan dikhususkan pada kategori kerja-kerja berat seperti pemanduan mesin dan jentera yang tidak mampu dikendalikan oleh Zaleha. Beliau berkata:

*"Semua kije (kerja) bendang doh (sudah) takleh nak wat(buat)..oghang puan (perempuan) dok (duduk) umah, lelaki bawok (bawa) mesin padi, kita dok peghati (perhati) jah.."* (Temubual mendalam Zaleha no. 12/19.11.2005).

Zaleha yang tinggal bersama anak perempuannya kini lebih banyak meluangkan masa dengan tanaman hiasan di halaman rumah. Masanya terluang kerana kerjanya di bendang hanya memakan masa 2-3 jam sehari dan kerja habis selewat-lewatnya jam 11 pagi. Kata Zaleha:

*"Tak dak dah oghang (orang) puan (perempuan) dok wat bendang.. kalau boleh (boleh) anak makcik pun takmo (tidak mahu) beri kija (kerja) bendang..berat"* (Temubual mendalam Zaleha no.12/19.11.2005)

Ujar Zaleha sambil memerhati beberapa pekerja upahan membajak tanah. Mata Zaleha (no.12) memandang suasana bendang yang menghijau dan luas.

*"La ni (sekarang) sunyi..tak macam dulu, puan (perempuan) semua dok dapog (dapur) ngan (dan) pindah ke bandar"* (Temubual mendalam Zaleha no.12/19.11.2005).

Kini lingkungan kerja Zaleha hanya di pinggir bendang dan dalam rumah sebagai pemerhati.

Pengalaman hampir 30 tahun bersama arwah suaminya dalam kerja bendang cukup memberi kepastian kepada Mak Long Na (no.8) dan juga Zaleha (no.12) bahawa perubahan yang besar dalam kerja bendang telah berlaku, malah peranan dan tenaga wanita pada masa kini dalam kerja bendang tidak dipentingkan lagi.

### ***Pemilikan Dan Pengurusan Tanah***

Sejak tahun 1881, golongan wanita di Kedah tidak ketinggalan dalam usaha pemilikan tanah dan harta melalui perwarisan, pembelian atau memohon dari kerajaan. Wanita Kedah boleh dikategorikan sebagai pemohon tanah yang aktif seperti yang dapat dilihat dalam Indeks Pejabat Tanah Daerah melalui Akta 1928-1929. Pejabat Tanah Daerah telah menerima permohonan dari seramai 360 orang wanita pada tahun 1930 (Nathan,1921). Manakala, cara pembahagian harta pusaka bagi orang Islam adalah mengikut hukum syarak (*faraidh*<sup>3</sup>) dan hukum adat. Pembahagian mengikut hukum syarak dan faraidh ini dikategorikan sebagai waris utama, waris gantian dan waris sisi. Pembahagian kadar satu bahagian untuk anak perempuan dan 2 bahagian untuk anak lelaki akan terus berlangsung menurut bilangan anak yang ditinggalkan. Cara lain wanita mewarisi harta ialah melalui pembahagian wasiat, hebah dan hukum adat. Hebah<sup>4</sup>, membolehkan seseorang membuat pembahagian harta kepada orang-orang tertentu di hadapan beberapa saksi (Mahani;2005:82). Hukum adat pula merujuk kepada cara permuafakatan iaitu pembahagian yang tidak mengikut syarak dan memerlukan persetujuan semua waris. Menurut De Koninck (1992), wanita Melayu mempunyai kekuatan dan kedudukan dalam pasaran tanah dimana beliau menunjukkan dalam kajian beliau bahawa 16 keping daripada 21 keping tanah sewa dimiliki oleh wanita dari Kampung Matang Pinang pada tahun 1986. Walaubagaimanapun, isu perwarisan dan harta tidak banyak dikaji walaupun aspek

ini menjelaskan perhubungan gender dalam pemilikan harta yang menuntukan status ekonomi wanita (Mahani, 2005).

Dua wanita Kampung Matang Pinang iaitu Razimah (No.1) dan Aida (No.2) telah membangkitkan isu ini dalam temubual mereka. Aida (no.2) menerima bahagian warisan beliau seluas 1 relung tanah bendang mengikut sistem faraidh,

*"Mang (memang) ada tanah dalam 1 relung jah (sahaja), baghu (baru) bahagi ikut faraidh tapi kurang rasa nak ambil tau (tahu). Tambah plak (pula) la ni (sekarang) saya tak kije (kerja) bendang. Semua urusan hal tanah kami tak campoq (campur)"*

Jelas Aida sambil mengupas bawang bagi persediaan makan malam. Penerimaan duit padi bagi setiap musim memadai bagi Aida dan bagi dirinya tidak perlu berurusan dalam hal bendang.

*"Duit padi tu takmo (tidak mahu) kacau, duit tu buat keperluan besar-besar.. bagi keperluan rumah, Aida guna gaji bulanan Aida.." (Temubual mendalam Aida no.2 / 15.10.2005).*

Sebagai gadis matang, Aida tidak mempunyai keinginan untuk bekerja di bendang memandangkan beliau memegang Diploma dalam kejuruteraan dari Universiti Teknologi Malaysia

*"Aida rasa..puan (perempuan) la ni (sekarang) tak boleh (boleh) gi bendang la..banyak kije lain boleh buat..biaq (biarkan) pi mesin tu wat kija (kerja). (Temubual mendalam Aida no.2 / 15.10.2005).*

Dalam kes Razimah (no.1), jumlah adik beradiknya seramai 12 orang melambatkan proses pembahagian tanah bendang yang ditinggalkan. Pada awal tahun 2003, Razimah telah diamanahkan oleh keluarganya untuk menjaga dan menguruskan bendang. Razimah giat kerja di bendang pada 2 bulan pertama dengan memotong rumput dan membersihkan batas sebagaimana kerja yang dilakukan oleh ibunya. Namun, Razimah (no.1) terpaksa berundur dari bendang kerana tiada sebarang kerja khusus yang boleh dijalankan melainkan memerhati mesin dengan pemandu-pemandu lelaki yang di upah. Lingkungan kerja Razimah kian beralih dalam kawasan pinggir bendang walaupun beliau mempunyai azam untuk melakukan kerja bendang sebagai amanah keluarga

*"Tak dak (tiada) pa eh nak wat (buat). Kak tinggai (tinggal) la..kita dok tepi ja (sahaja) wat pe pun. Baik balik wat kija (kerja) rumah tengok anak-anok (anak)" (Temubual Mendalam Razimah no.1 / 2.12.2007).*

Jelas Razimah (no.1) sambil menyangkan ikan keli yang masih hidup dicekup dari baldi yang berisi air.

Sistem pewarisan dan pengaplikasian jentera mempunyai perkaitan yang rapat bagi menterjemahkan penyisihan wanita dalam menguruskan tanah dan harta yang dimiliki. Jika dilihat melalui aspek yang lain, ketetapan pembahagian harta pusaka secara *faraidh* tidak membolehkan wanita memiliki harta yang banyak (Mahani,2005:08). Ternyata penguasaan lelaki dan jentera ke atas kerja bendang telah

menyisihkan perhatian wanita dalam kerja bendang. Kes Aida (no.2) dan Razimah (no.1) mempunyai perbezaan. Razimah (no.1) diamanahkan dan berkeinginan tinggi untuk menguruskan bendang arwah ibunya, namun tindakan Razimah (no.1) untuk menjalankan amanah keluarga terhalang akibat jentera yang mengambil alih kesemua peranan beliau di bendang. Kekesalan pada wajah Razimah (no.1) jelas apabila beliau tertunduk dan mengeluh tidak dapat menjalankan amanah harta keluarganya. Razimah (no.1) yang dibesarkan dalam kerja-kerja bendang, kawasan bermain-main dengan adik beradik di bendang terpaksa akur dengan perubahan yang menuntut beliau untuk beralih. Penguasaan jentera di bendang semakin mengasingkan wanita daripada dunia pertanian yang turut menghakis hak pemilikan dan pengurusan tanah oleh wanita.

### *Pekerjaan dan Sumber Pendapatan*

Telah wujud pekerjaan sampingan di kalangan petani pada akhir tahun 1980an (De Konick, 1982). Peralihan kerja bendang yang menggunakan teknologi telah memaksa golongan wanita mencari sumber pendapatan alternatif sebagai salah satu cara untuk meningkatkan status ekonomi mereka dan keluarga. Malah, pendapatan sampingan yang diperolehi menjadi saluran utama pembiayaan pendidikan anak-anak dalam sebuah keluarga. Berbanding dahulu, pertanian merupakan sumber pendapatan utama bagi golongan wanita Melayu desa dalam usaha meningkatkan sosio ekonomi keluarga (Mahani, 2005; Affifudin, 1973) dan bidang pekerjaan berupah dianggap milik kaum lelaki sementara urusan rumahtangga menjadi tanggungjawab kaum wanita.

Mengikut pendapat Zahrah (no.3) wanita tidak lagi mempunyai peranan khusus dalam kerja bendang sejak kemunculan jentera dan mesin. "*Dulu boleh..la ni, oghang (orang) puan (perempuan) dok umah wak kije (kerja) lain..*" (Temubual Zahrah no. 3/ 28.10.2005). Pada sekitar 1980an, ekonomi keluarga Zaharah (no.3) hanya bergantung pada kerja bendang. Setelah perluasan penggunaan jentera dan mesin, peranannya semakin hilang dan kerja yang menjadi rutinnya terpaksa ditinggalkan. Penghapusan sistem berderau di kalangan wanita mendorong Zaharah untuk mencari alternatif lain bagi menampung keperluan ekonomi rumah. Zaharah menjalankan perniagaan kerepek pisang dan kerepek ubi secara kecil-kecilan. Anggaran kasar yang diperolehi adalah dari RM90 hingga RM100 seminggu sekadar dapat memenuhi keperluan rumah. Selain mendapat bayaran daripada hasil padi sekitar RM2000 hingga RM3,000, Zaharah mampu menampung keperluan keluarga secara mingguan dan bulanan. Pendapatan yang diperolehi memadai bagi menampung pelajaran anak-anak kata Zaharah:

*"Oghang (orang) puan (perempuan) kena kuat...anak-anok(anak) nak ngaji..bila depa (mereka) pi ngaji tinggi-tinggi, pok(ayah) depa pi Rompin nuh..bukok(buka) tanoh (tanah) sano (sana). Mak Long sini jaga budok-budok(budak)..pas ni baghu(baru) boleh(boleh) pindah kat pok(ayah) depa,la ni dok niaga ja..."* (Temubual Mendalam Zaharah no.3 / 28.10.2005).

Tindakan Zaharah (no.3) menjalankan perniagaan kerepek dapat menambah pendapatan serta meningkatkan status kehidupan mereka sekeluarga.

*"Dulu, payoh (susah). Dok kija (kerja) bendang, duit dapat 6 bulan sekali takleh (tak boleh) tampung belanja anak sekolah. La (sekarang) bila mesin masuk, baghu (baru) tau (tahu) mana nak wat kije (kerja). (Temubual mendalam Zaharah no.3 / 28.10.2005).*

Latifah pula (no.4) merupakan penduduk asal di Kampung Matang Pinang yang giat mengusahakan bendang milik ayahnya sekitar tahun 1980an. Dalam masa yang sama Latifah mempunyai Sijil Kemahiran Jahitan yang diperolehi pada tahun 1982. Melalui kemahiran ini, Latifah berjaya membuka perniagaan tempahan jahitan di rumahnya. Kadar tempahan bagi sepasang baju kurung sebanyak RM20. Manakala baju kurung Kedah sebanyak RM15 - RM17 sepasang. Menurut Latifah, tempahan lebih banyak diterima pada musim perayaan dan keramaian. Pada waktu ini, beliau terpaksa menaikkan harga tempahan kepada RM18 hingga RM20 sepasang. Perkembangan perniagaannya bermula apabila Latifah membeli mesin jahit automatik dengan harga RM1,500 pada tahun 2001. Latifah mampu memiliki mesin jahit automatik atas hasil usaha gigihnya selama bekerja di bendang. Malah, dengan hasil tempahan jahitan, Latifah mampu membeli tanah kebun seluas 4 relung di Changloon pada tahun 2003.

*"Ala, kije-kije(kerja) biasa ja (sahaja). Kija(kerja) kampung..himpun-himpun (kumpul) kak beli tanah kat Changloon.." (Temubual Latifah no.4/29.10.2005).*

Keadaan ini dijelaskan Mahani (2005) dimana permohonan atau pembelian tanah di kalangan wanita berlaku sekitar 1 relung hingga 10 relung bagi tujuan meningkatkan ekonomi keluarga. Latifah membeli tanah kebun di Changloon dengan harga RM15 ribu pada tahun 2003. Tanah yang dikerjakan secara persendirian bersama suaminya dikhususkan bagi penanaman buah-buahan seperti langsung, duku dan rambutan.

Pergantungan sumber ekonomi Zaharah (no.3) dan Latifah (no.4) pada hasil pengeluaran padi dan kerja bendang sahaja tidak mampu menampung keperluan harian dan pelajaran anak-anak mereka. Peminggiran Zaharah (no.3) dan Latifah (no.4) dalam kerja bendang memaksa mereka untuk membuat pekerjaan di luar bendang yang lebih baik dan terjamin. Kini, Zaharah (no.3) mampu menampung keperluan rumah dengan pendapatan kerepek yang diperolehi secara mingguan. Zaharah tidak perlu bergantung pada hasil padi sekitar RM2,000 hingga RM3,000 6 bulan sekali bagi membiaya keperluan rumah. Latifah pula mampu menjadi pemilik tanah kebun di Changloon pada tahun 2003. Pembelian ini hasil dari pendapatan perniagaan tempahan jahitan yang dijalankan. Keadaan ini jelas memperlihatkan peralihan aktiviti wanita turut mempengaruhi perubahan sosio ekonomi sesebuah keluarga, komuniti, masyarakat dan negara. Wanita mempunyai kuasa yang tersembunyi dalam membuat atau bertindak atas sesuatu keputusan (Affifudin Omar, 1970).

## **Di Manakah Wanita Dalam Arus Pembangunan Pertanian**

Wawasan 2020 dalam Perspektif Jangka Panjang Kedua (1992-2000) di bawah Dasar Pertanian Negara bermatlamat dalam meningkatkan peranan ekonomi pertanian supaya dapat meningkatkan produktiviti pertanian dan memberi sumbangan yang tinggi kepada ekonomi negara (Abdul Khalid, 1994; Ismail, 2001; Zanol, 2005). Kajian Siti Nor Hamid dan S.Husin Ali (1991) menyatakan kebanyakan wanita mula bekerja

di kilang Motorola dan Hitachi di luar kampung bagi membantu dan menyara kehidupan keluarga dengan pendapatan yang lebih terjamin. Keadaan ini turut berlaku ke atas komuniti petani wanita di Kampung Matang Pinang dan Kampung Paya Keladi sejak dari tahun 1975, 1986 hingga tahun 2006. Penggunaan teknologi dalam kerja bendang telah mempengaruhi bilangan wanita bekerja ke sektor industri dan perkhidmatan (Cecilia Ng, 1986; Maznah, 1994; Wolf, 1992; Nagaraj, 1995; Pinkard, 2006). Transformasi yang paling jelas adalah perpindahan wanita daripada kerja pertanian kepada kerja-kerja bukan pertanian sejajar dengan matlamat bagi mengintegrasikan wanita dalam pelbagai sektor pembangunan Negara (RMK-7:1991;43; RMK-9:2006-2010: 281-288). Arus pembangunan dan seruan bagi membangunkan pertanian kian digiatkan, tetapi di manakah pula peranan dan kedudukan golongan wanita dalam pertanian. Segala operasi bendang yang menggunakan mesin kian didominasi oleh golongan lelaki dan menurut De Koninck (1992), Revolusi Hijau lebih memberi manfaat kepada golongan lelaki berbanding wanita.

### **Reformasi Agraria Dalam Pembangunan Gender**

Walaupun bagaimanapun, peralihan wanita ke sektor luar bendang telah menghakis perhatian mereka ke atas hak mereka ke atas tanah dan tanah yang diwarisi (Pinkard, 2006; Purgl, 2007). Penyelidik ingin menekankan keperluan reformasi agraria seperti yang diketengahkan oleh Nik Hashim (1996) dan Chamhuri Siwar dan Abdul Aziz (1994) dalam membangunkan sub sektor tanaman padi pada masa depan. Reformasi agraria ini perlu meliputi pembaikan daripada struktur prasarana melalui aspek pengurusan kredit, pemasaran, penyelidikan, pengembangan, pengairan dan sokongan dari pelbagai institusi sokongan awam dan swasta (Chamhuri Siwar & Abdul Aziz, 1994; Nik Hashim, 1996). Bagi memelihara kepentingan hak dan pengetahuan wanita ke atas pertanian padi reformasi agraria perlu diterapkan bersama teori "*Gender And Development*" (GAD) oleh Moffat *et. al* (1991). Saranan utama teori GAD adalah integrasi antara lelaki dan wanita dapat dicapai dalam pelbagai bidang. Reformasi agraria dalam pembangunan gender merupakan sumbangan utama kajian ini bagi membangunkan golongan wanita luar bandar yang masih mempunyai warisan keluarga dan perkaitan dengan hasil tanah. Penyertaan wanita dalam pembangunan pertanian merupakan antara salah satu usaha bagi mencapai landasan Rancangan Malaysia bagi membangunkan wanita dalam semua sektor pembangunan (RMK-9:2006-2010; 281-288).

### **Kesimpulan**

Kegiatan pertanian mengalami perubahan melalui masa di Malaysia. Hal ini bermakna masalah dalam pertanian akan berlaku secara dinamik (Nik Hashim, 1986:82). Pada masa kini kita dapat menangani masalah hasil pengeluaran yang rendah dalam sektor tanaman padi, tetapi kemungkinan akan muncul masalah lain yang lebih serius dalam bentuk yang berlainan pada masa akan datang. Oleh itu, penyelidikan mengenai transisi yang berlaku dalam pertanian padi perlu diperkembangkan dari semasa ke semasa. Penyelidikan secara berterusan mampu mengupas trend dan permasalahan

yang berlaku dalam sektor pertanian khususnya sub-sektor tanaman padi yang membawa impak yang besar ke atas kehidupan komuniti petani yang perlu dilihat melalui perspektif gender.

## RUJUKAN

- Abdul Khalid. 1994. 'Pelaburan dan Pengaktifan Sektor Pertanian' dalam Chamhuri Siwar, Abdul Malik Ismail dan Abdul Hamid Jaafar (pnyt), *Reformasi Pertanian Ke Arah Wawasan 2020*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Affifudin Omar. 1970. *A Brief Socio Economic Study on Rural Farm Housewives in the Muda Scheme*. Muda Agricultural Development Authority (MADA). Teluk Chengai, Alor Setar.
- Ankomah. 2007. *The Green Revolution Takes Root*. *Baffour New African*, Issue 463, 62-63.
- Borlaug, N.E. 2007. *Continuing the Green Revolution*. Wall Street Journal.Eastern.
- Boserup, E. 1970. *Women's Role in Economic Development*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Brown, L. 1970. *Seeds of Change*. New York: Praeger Publisher.
- Chamhuri Siwar & Abdul Aziz. 1994. "Paradigma Baru Reformasi Pertanian" dalam Chamhuri Siwar, Abdul Malik Ismail & Abdul Hamid Jaafar (pnyt), *Reformasi Pertanian Ke Arah Wawasan 2020*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Couillard, Marie-Andree. 1990. 'The Pangs and Pitfalls of Development for Malay Women: From the Rule of the Domestic Sphere to Ots Downfall', *Kajian Malaysia*, 8(1): 68-92.
- De Koninck, R. & Lise, G. 1982. 'Fertilizer for Rice, Who Wins, Who Lose ? A Contribution to the Analysis of Dependency in Malaysia and Indonesia' dalam Geoffray, B.H (pnyt), *Village Level Modernization in Southeast Asia. The Political Economy of Rice and Water*. Vancouver: University of British Columbia Press.
- De Koninck, R., Gibbons, D.S & Ibrahim Hassan. 1975. *The Green Revolution, Distributional Impact : A Study in Regions of Malaysia and Indonesia*. TASP Report, *Manuscript University Sains Malaysia*, Penang.
- De Koninck, R. 1992. *Malay Peasants Coping With the World. Breaking the Community Circle ? Social Issues Asia*. Singapore: National University of Singapore.
- Griffin, K. 1974. *The Political Economy of Agrarian Change, An Essay on the Green Revolution*. London: The Macmillan Press Ltd.

- Hill, R.D. 1977. *Rice in Malaysia: A Case Study of Four Villages in West Malaysia*. Honolulu: University Press of Hawaii.
- Horii, Kenzo. 1981. *Rice Economy and Land Tenure in West Malaysia*. Tokyo: Institute of Development Economics.
- Ismail, S. 2001. *Paddy Industry in Penang*. Strategic Planning Workshop, Increase Yield in Rice Granary Areas of Penang. Integrated Agricultural Development Project (IADP). Hotel Pan Pacific. Pangkor 18-20 Oktober ; 1-5.
- Nathan J.E. 1921. *The Cencus of British Malaya*. London.
- Jegatheesan, S. 1977. *The Green Revolution and the Muda Irrigation Scheme*. MADA. *Monograf 30*. Alor Setar.
- Jiggins, J. 1986. *Gender Related Impacts and the Work of the International Agricultural Research Centres*. Washington: World Bank.
- Kuchiba. M. 1979. *Three Malay Village : A Sociology of Paddy Growers in West Malaysia*. Honolulu: University Press Hawaii.
- Mahani Awang. 2005. *Sosio Ekonomi Wanita Melayu Kedah, 1881-1940*. Tesis Sarjana. Penang: Universiti Sains Malaysia..
- Malaysia. 1995. *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. 2000. *Rancangan Malaysia Ketujuh, 2000-2005*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Ketujuh, 2006-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Markintosh, M. 1981. 'Gender and Economics. The Sexual Division Labour and the Subordination of Women' dalam Kate Young (ed), *Of Marriage and the Market*. London: CSE.
- Maznah Mohammed & Wong Soak Koon. 1994. *Feminism: Malaysian Critique and Experience*. Special Issue. *Kajian Malaysia*. 12,119-143.
- Moffat, L., Gaedah, Y., Stuart, R. 1991. *Two Halves Make a Whole: Balancing Gender Relations in Development*. Canadian Council for International Co-operation. MATCH International Center : Ottawa.ON.Canada.
- Rao, N. 2006. *Land Rights, Gender Equality and Household Food Security: Exploring Conceptual Links in the Case of India*. *Food Policy*, 31(12):180-193.



- Nagaraj, S. 1995. *Malaysian Women Today*. Womens Affair Division. Kuala Lumpur: Ministry of National Unity and Social Development..
- Ng Cecilia. 1986. 'Gender and the Division of Labour' dalam Hing Ai Yun & Rokiah Talib (eds), *Women and Employment in Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya..
- Ng Cecilia. 1998. 'Peranan Wanita Dalam Pengeluaran Padi di Semenanjung Malaysia' dalam Rokiah Talib & Shanthi Thambiah (pnyt), *Gender, Budaya dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Cecilia, Ng. 1999. *Positioning Women in Malaysia: Class and Gender in an Industrializing State*. London: Macmillan Press Ltd.
- Nik Hashim Nik Mustapha. 1996. *Perancangan Pembangunan Pertanian Malaysia* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Oasa, E.K. 1987. 'The Political Economy of International Agricultural Research : A Review of the CGIAR'S Response to Critisms of the Green Revolution' dalam Glaeser, Bernhard (pnyt), *The Green Revolution Revisited. Critiques and Alternatives*. London: Allen &Unwin .
- Pearse, A. 1980. *Seeds of Plenty. Social and Economic Implications of the Green Revolution*. Oxford: Claredon Press.
- Purval, J.T. 1971. *Rice Economy : A Case Study of Four Village in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Purgl, E. 2007. Gender and the Institutions of Global Markets: An Exploration of the Agricultural Sector. Paper Presented at the Annual Meeting of the International Studies Association 48th Annual Convention, Hilton, Chicago, USA.
- Rey, L. 1985. *Changing Labour Patterns of Women in Rice Farm Households : A Rainfed Rice Village. Iloilo Province. Philipines*. Philippines: International Rice Research Institute.
- Scott, S. 2003. 'Gender, Household Headship and Entitlements to Land: New Vulnerabilities in Vietnam's Decollectivization'. *Gender, Technology dan Development*, 7 (2) : 233-263.
- Selvarudai, S. 1972. *Rice Farming in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Perikanan.
- Siti Nor Hamid & Syed Husin Ali. 1999. Rural Development Programmes, Women's Participation and Organizations dalam Cecilia Ng, *Positioning Women in Malaysia: Class and Gender in an Industrializing State*. London: Macmillan Press Ltd.

- Spitz, P. 1987. The Green Revolution Re-examined in India dalam Glaesaer, B (ed) *The Green Revolution Revisited : Critique and Alternatives*. London: Allen & Unwin.
- Sukor Kassim, Gibbons, D.D., & Todd, H. 1984. *Teriakkan Melayu Miskin: Kisah Penderitaan Pesawah Miskin di MUDA*. Pusat Penyelidikan Dasar. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Sullivan, P. 1982. Social Relation of Dependence in a Malay State: Nineteenth Century Perak. *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Monograf 10. Kuala Lumpur: Art Printing Works.
- Vandana Shiva. 1991. The Green Revolution in the Punjab. *The Ecologist*. 21 (2) : 57-60.
- Wolf, D.L. 1994. *Factory Daughter: Gender, Household Dynamics and Rural Industrialization in Java*. Berkeley: University of California Press.
- Wong, D. 1983. *Peasants in the Making*. ISEAS. Singapore: National University of Singapore..
- Wright, A. 2004. *The Death of Ramon Gonzalez*. Austin: University of Texas.
- Tan, Y., Hugo, G., & Potter, L. 2005. 'Rural Women, Displacement and the Three Gorges Project'. *Development and Change*, 36 (4), 711-734.
- Zainol Ahmad. 2005. *Acceptance of Rice Farming Technology by Paddy Growers in Granary Areas Integrated Agricultural Development Project (IADP) Penang*. Tesis Sarjana. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.